

## Proton e.MAS 7 Sahut Janji Menuju Kelestarian di KLIMS 2024

*Usaha PRO-NET dalam Meningkatkan Kesedaran dan Keyakinan terhadap EV kepada orang ramai di KLIMS 2024 dengan Mempamerkan Impak Peralihan dari ICE ke EV*

**KUALA LUMPUR, 4 Disember 2024** – Kenderaan elektrik pertama PROTON, e.MAS 7, membuat penampilan pra-pelancaran kedua terakhirnya di Pameran Mobiliti Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIMS) 2024, yang berlangsung dari 5 hingga 11 Disember, sambil mempamerkan inovasi canggih dalam mobiliti lestari.

Dipamerkan di pavilion PROTON, Proton e.MAS 7 dihiasi dengan balutan holografik. Dinamakan Nadi e.MAS atau Nadi Negara, corak balutan ini melambangkan kehadiran sulung kenderaan elektrik (EV) pertama Malaysia. Denyutan nadi pada balutan ini melambangkan potensi tanpa batasan Proton e.MAS sebagai peneraju EV negara, sekaligus meraikan inovasi dan warisan PROTON.

PRO-NET turut melancarkan Nadi e.MAS Sahut Janji Menuju Kelestarian, satu seruan kepada seluruh rakyat Malaysia untuk menyertai gerakan ini dengan membuat ikrar ke arah kelestarian yang lebih baik. Dengan setiap ikrar yang dibuat oleh pengunjung di KLIMS, paparan interaktif bukan sahaja akan menambah tandatangan mereka tetapi juga menunjukkan ikrar tersebut melalui penjejak pelepasan karbon secara langsung.

Pameran mobiliti tahunan ini telah dirasmikan oleh YAB Dato' Sri Haji Fadillah bin Haji Yusof, Timbalan Perdana Menteri Malaysia merangkap Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air. Dato' Sri Haji Fadillah turut melawat pavilion PROTON dan menandakan pencapaian e.MAS 7 Tour yang baru sahaja selesai dengan menandatangani Plak Jelajah e.MAS 7 serta Sahut Janji Menuju Kelestarian yang baru dilancarkan.

### **Sebuah Model untuk Rakyat Malaysia yang Prihatin terhadap Alam Sekitar**

PRO-NET memimpin usaha mengubah tingkah laku rakyat Malaysia ke arah amalan mobiliti yang lestari dengan menggalakkan peralihan kepada kenderaan elektrik seperti Proton e.MAS yang membantu mengurangkan pencemaran bunyi dan udara. PRO-NET berhasrat untuk mencapai matlamat ini melalui pendidikan dan inspirasi kepada rakyat Malaysia yang prihatin terhadap alam sekitar menerusi Ikrar Kelestarian Nadi e.MAS.

Para pengunjung boleh menyertai Sahut Janji Menuju Kelestarian Nadi e.MAS dengan menjawab beberapa soalan mudah mengenai kenderaan elektrik dan membawa pulang beg cenderahati. Sebagai bonus, pengunjung juga berpeluang memenangi kredit RM50 Touch 'n Go eWallet dengan mengambil gambar bersama corak balutan Nadi e.MAS 7 dan memuat naik ke akaun media sosial mereka, serta *tag* akaun rasmi Proton e.MAS dan menggunakan tanda pagar #NADieMAS7.

"Dengan evolusi KLIMS yang kini menggabungkan tema kelestarian, adalah wajar bagi PRO-NET menunjukkan sokongan kami melalui penyertaan dengan Proton e.MAS 7. Kami amat teruja untuk membangunkan Malaysia dalam gerakan transformasinya ke arah masa depan mobiliti lestari," kata Zhang Qiang, Ketua Pegawai Eksekutif PRO-NET.

### **Jelajah Proton e.MAS 7 Secara Rasmi telah Berakhir, Mencatatkan Perjalanan Sejauh 4,020km Seluruh Negara**

PRO-NET turut mengumumkan kejayaan penamatan Jelajah Proton e.MAS 7 yang bermula pada awal Oktober dari Pusat Kecemerlangan PROTON di Shah Alam. PRO-NET menjadi jenama pertama di Malaysia yang memulakan pengembaraan merentasi seluruh negara menggunakan kenderaan elektrik. Jelajah e.MAS 7 memulakan perjalanannya dengan menuju ke negeri-negeri di selatan, utara, dan pantai timur sebelum kembali ke Lembah Klang untuk mempamerkan bahagian ruang dalaman kenderaan di ACE 2024. Jelajah ini kemudian diteruskan ke Sabah dan Sarawak untuk fasa yang terakhir.

Kenderaan elektrik nasional pertama ini merentasi pelbagai bentuk muka bumi dan landskap di Malaysia, dari jalan yang berliku di kawasan pergunungan di Sabah sehingga ke jalan tar pesisir pantai yang menawan di Terengganu dengan lancar dan tanpa sebarang insiden yang berlaku. Secara keseluruhan, Jelajah Proton e.MAS 7 berjaya mencatatkan jumlah jarak sejauh 4,020km merentasi 13 negeri. Proton e.MAS 7 menerima maklum balas positif yang menggalakkan daripada rakyat Malaysia sepanjang Jelajah e.MAS 7 dan interaksi dengan orang

ramai di setiap hentian pengedar membuktikan kegembiraan mereka untuk memiliki kenderaan tenaga baharu yang canggih daripada PROTON.

Seorang pemandu kenderaan petrol yang sedia ada berkongsi, "Saya telah mempertimbangkan untuk memiliki kenderaan EV sepenuhnya, tetapi setakat ini saya belum menemui mana-mana model di pasaran yang menawarkan harga, jarak dan spesifikasi yang baik. Dari segi luaran e.MAS 7, dari segi ketinggian dan saiz, ia nampaknya sangat sesuai untuk saya. Sebenarnya, saiznya melebihi jangkaan saya; saya ingatkan ia lebih kecil, tetapi ia lebih besar berbanding dengan kereta yang terdapat pada segmentnya."

Sementara itu, Cik Dewi, seorang penduduk Kuching, mengulas, "Pertama sekali, sebagai rakyat Malaysia, saya sangat berbangga bahawa PROTON telah menghasilkan sebuah EV yang benar-benar setanding dengan apa yang sudah ada di pasaran. Sebagai orang Sarawak, kami menyahut seruan menteri kami (Abang Jo) untuk beralih ke tenaga hijau dan saya benar-benar percaya bahawa kereta ini akan diterima baik di sini kerana ramai rakyat Sarawak yang ingin membuat perubahan dalam usaha menjadikan alam sekitar lebih lestari. Jika kita benar-benar mahu menjadi peneraju dalam hal ini di Asia Tenggara, kita perlu menunjukkan contoh."

"Saya terharu dengan kesediaan rakyat Malaysia, terutamanya di Sabah dan Sarawak, untuk menerima kenderaan tenaga baharu sebagai sebahagian daripada kenderaan harian mereka. Ini adalah petanda yang menggalakkan terhadap kemajuan yang kita harapkan untuk mempercepatkan penerimaan mobiliti lestari," tambah Zhang Qiang, Ketua Pegawai Eksekutif, PRO-NET.

Anda kini boleh membuat tempahan untuk e.MAS 7 di pusat pengedar Proton e.MAS di seluruh negara dan di laman web rasmi e.MAS dengan bayaran tempahan sebanyak RM500. Sebagai alternatif yang lain, anda juga boleh membuat tempahan melalui aplikasi Proton e.MAS yang tersedia di Google Play, Huawei App Gallery, dan iOS App Store. Tawaran untuk pembeli awal kini tersedia, dengan Pioneer Privilege Deal yang menawarkan rebat RM500 dan Pioneer Gift Pack bernilai RM1,000 untuk nilai tambah. Tawaran ini sah sehingga ke pelancaran besar Proton e.MAS 7. Selain itu, jika anda membuat tempahan e.MAS 7 di KLIMS 2024, anda juga akan menerima Hot Wheels Proton Saga percuma (terhad kepada 200 tempahan pertama).

Jangan lupa untuk mengikuti saluran media sosial rasmi Proton e.MAS untuk mengikuti perkembangan Proton e.MAS 7 menjelang pelancaran besarnya. Sila ikuti laman web Proton e.MAS dan akaun media sosial rasmi di bawah nama pengguna "Proton e.MAS Cars" di [Facebook](#) dan [Xiaohongshu](#), serta "@protonemasofficial" di [TikTok](#) dan [Instagram](#) untuk mendapatkan kemas kini terkini.

**-TAMAT-**

#### **Mengenai Proton e.MAS**

Proton e.MAS ialah jenama kenderaan elektrik nasional dan tenaga baharu pertama Malaysia, sub-jenama PROTON dan diedarkan oleh PRO-NET. Berperanan penting dalam penerimaan EV dan membina ekosistem jenama, Proton e.MAS komited untuk menerajui usaha ke arah pengangkutan lestari dengan dedikasi yang teguh terhadap inovasi dan kecemerlangan. Rangkaian pengedar yang semakin berkembang, perkhidmatan selepas jualan yang komprehensif, dan ekosistem kami memastikan setiap pelanggan menikmati pengalaman yang lancar dan memuaskan. Misi kami, selaras dengan syarikat induk kami PROTON, adalah untuk MENGINSPIRASI HUBUNGAN dengan terus memberikan Teknologi Inovatif, Kebolehpercayaan, dan Piawai Antarabangsa. Proton e.MAS telah dilancarkan pada 12 Jun 2024.

#### **Proton e.MAS**

Facebook: <https://www.facebook.com/ProtonEMASOfficial/>

Instagram: <https://www.instagram.com/protonemasofficial/>

TikTok: <https://www.tiktok.com/@proton.e.mas/>

#### **Issued by:**

##### **PRO-NET**

Salawati Mohd Yusoff

Chief Branding Officer

Telephone: +6012-219 4581

Email: [salawati@proton.com](mailto:salawati@proton.com)

Faisal Shah Mohamed Shah

Senior Manager Group Communication

Telephone: +6019-321 8897

Email: [faisalshah@proton.com](mailto:faisalshah@proton.com)



**PRO-NET**  
PROTON NEW ENERGY TECHNOLOGY SDN BHD

Agus Mohd Nawiah  
Senior Executive, Public Relations  
Telephone: +6017-232 6225  
Email: [agusmn@proton.com](mailto:agusmn@proton.com)

**For media enquiries, please contact H/Advisors Klareco on behalf of PRO-NET:**

Nicholas Nathaniel Raj  
H/Advisors Klareco  
Telephone: +6017 610 3249  
Email: [nicholas.raj@h-advisors.global](mailto:nicholas.raj@h-advisors.global)

Joshua Fredrick  
H/Advisors Klareco  
M: +6012 392 8943  
Email: [joshua.fredrick@h-advisors.global](mailto:joshua.fredrick@h-advisors.global)